



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## SIARAN MEDIA

### PERNAS SALUR PEMBIAYAAN RM500,000 KEPADA ROBERT T 1994

---

**KOTA KINABALU, 5 Januari** – Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menyalurkan pembiayaan sejumlah RM500,000 kepada Robert T 1994, jenama cermin mata yang diusahakan usahawan tempatan Borneo.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Datuk Ewon Benedick berkata, pembiayaan itu adalah untuk membantu Robert T 1994 mengembangkan lagi premis mereka di seluruh Sabah.

“Saya berharap syarikat ini terus berkembang pesat seperti usahawan-usahawan francais yang lain.

“Melalui pembiayaan RM500,000, saya juga berharap ia memberi motivasi dan inspirasi kepada usahawan-usahawan lain di seluruh negara agar turut sama mengambil bahagian dalam sektor keusahawanan.

“KUSKOP dan agensi-agensi seperti PERNAS terus menawarkan perkhidmatan dan pembiayaan yang bersesuaian dan diperlukan oleh usahawan agar dapat menyumbang kepada ekonomi negara kita seterusnya menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Majlis Cabutan Bertuah Robert.T 1994, di Suria Sabah Shopping Mall, di sini, hari ini.

Ewon berkata, bagi tahun ini, PERNAS akan bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah (MIDE) dan agensi keusahawanan di Sabah seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), Sabah Economic Development & Investment Authority (SEDIA) dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) bagi membimbing usahawan-usahawan Sabah dalam program Program Pemerkasaan Usahawan Sabah (PUSH).

“Ini adalah sebahagian daripada Dasar Pandang Ke Timur Dalam Negara di KUSKOP iaitu memperkenalkan skim-skim dan inisiatif-inisiatif baharu khususnya untuk usahawan di Sabah dan Sarawak,” katanya.

Ewon berkata, sebagai rakan pimpinan daripada Sabah, beliau mahu memberikan fokus kepada inisiatif-inisiatif yang memberi manfaat kepada pembangunan keusahawanan Sabah.

“Saya tidak akan menyentuh perkara lain selain fokus saya bekerja.

“Saya juga akan memulakan mesyuarat Jawatankuasa Khas Pemantauan projek sakit di Sabah. Sekitar 400 projek persekutuan yang lewat, belum mula atau projek sakit.

“Saya mahu menumpukan tenaga saya untuk menjadi sebahagian daripada pemantauan dan penyelesaian ini.

“Soal politik, ada masanya kita bincang, yang penting mandat dan tanggungjawab telah diberi dan saya mahu laksanakan,” katanya.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**5 JANUARI 2025**